

MAHATHIR-KOREA

1980

KUALA LUMPUR, 1 APRIL (BERNAMA) -- KOREA SELATAN TELAH DIMINTA SUPAYA MENGADAKAN DASAR +TERBUKA+ YANG LEBIH BAGI MEMPERBAIKI KEMASUKAN BARANG-BARANG PENGELUARAN MALAYSIA, TERUTAMA SEKALI BARANG-BARANG YANG DIKILANG ATAU SEPARUH KILANG, KE DALAM PASARANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM YANG DIADAKAN UNTUK MERAIKAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN KOREA SELATAN ENCIK CHUNG JAE SUK, YANG SEDANG MELAKUKAN LAWATAN KE SINI, BERKATA EKSPORT MALAYSIA KE KOREA SELATAN SEHINGGA SEKARANG KEBANYAKANNYA TERDIRI DARI BAHAN-BAHAN UTAMA.

BARANG-BARANG YANG DIKILANG DAN SEPARUH KILANG TELAH TIDAK MENDAPAT TEMPAT YANG PENTING KERANA STRUKTUR IMPORT YANG KERAS, DARI SEGI SEKATAN-SEKATAN TARIF DAN TANPA TARIF DAN PERATURAN PERTUKARAN ASING YANG KETAT, KATA NYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +KITA BOLEHLAH BERGEMBIRA DENGAN PENCAPAIAN PERDAGANGAN KITA, TETAPI TERDAPAT LEBIH BANYAK LAGI RUANG BAGI PEMBAIKAN.+

BELIAU DENGAN GEMDIRANYA BERKATA PERDAGANGAN DUAHALA DI ANTARA MALAYSIA DAN KOREA SELATAN TELAH BERLIPAT-GANDA DALAM MASA LIMA TAHUN YANG KEBELAKANGAN. -- BERSAMBUNG 2242/LK

BE62:

MAHATHIR-KOREA 2 KUALA LUMPUR

EKSPORT MALAYSIA KE KOREA SELATAN DALAM TAHUN 1978 BERJUMLAH \$303.8 JUTA BERBANDING DENGAN \$104.85 JUTA DALAM TAHUN 1973. DI SEBALIKNYA IMPORT DARI KOREA SELATAN TELAH JUGA BERTAMBAH, DARI \$18.4 JUTA DALAM TAHUN 1973 MENJADI \$133.5 JUTA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU SUPAYA DIADAKAN LANGKAH YANG LEBIH POSITIF BAGI MENAMPAH PERDAGANGAN SECARA LANGSUNG DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, KERANA ADALAH DIANGGARKAN BAHAWA HANYA 10 PERATUS DARI EKSPORT BAHAN-BAHAN UTAMA MALAYSIA TELAH DIJUAL MENERUSI PENGEKSPORT-PENGEKSPORT MALAYSIA.

BELIAU BERKATA SEJUMLAH BESAR DARI EKSPORT-EKSPORT SEPERTI ITU DIJUAL MENERUSI NEGARA KETIGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMASA LAWATAN PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN KE KOREA SELATAN TAHUN LALU, KEDUA-DUA NEGARA TELAH BERSUJUK BAHAWA PERDAGANGAN SECARA TERUS SEPATUTNYA DI ADAKAN DI ANTARA MEREKA.

BELIAU MEMBERI KEPASTIAN BAHAWA TERDAPAT KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR YANG CUKUP DAN MEMUASKAN DI SINI UNTUK +JENIS PERDAGANGAN SECARA TERUS YANG KAMI CITA-CITAKAN UNTUK KEDUA-DUA NEGARA. -- BERSAMBUNG 2244/LK

B663:

MAHATHIR-KOREA 3 KUALA LUMPUR

188

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERHARAP BAHAWA PERHUBUNGAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH DI ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN-DEWAN PERDAGANGAN KEDUA-DUA NEGARA AKAN DIRASMIKAN DENGAN PENUBUHAN PERSATUAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN PEKILANG-PEKILANG KOREA-MALAYSIA.

BERIKUTAN ITU KERJASAMA DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DALAM BIDANG PERDAGANGAN, PEMBINAAN DAN INDUSTRI ADALAH DIHARAPKAN.

BELIAU BERKATA TERDAPAT BANYAK PELUANG BAGI EKSPORT KOREA SELATAN DI SINI.

BELIAU BERPENDAPAT BAHAWA KOREA SELATAN BERADA DALAM KEDUDUKAN YANG BAIK UNTUK MEMBEKAL PERERAPA BARANGAN BAGI KEPERLUAN MALAYSIA, SEPERTI BAJA, BESI DAN PAHAN-PAHAN BESI WAJA, JENTERA-JENTERA RINGAN, KAPAL DAN PAHAN-PAHAN PERUBATAN. — BERNAMA 2246/LK